



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 28 OGOS 2022**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|-----|--|--|
| 1. | MAFI, FAMA PROMOSI PELBAGAI PRODUK MALAYSIA DI SINGAPURA, SH -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 2. | MALAYSIA FEST 2022 DIJANGKA CATAT JUALAN ATASI SASARAN, MINGGUAN SARAWAK -ONLINE | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

28 AUG, 2022

MAFI, FAMA promosi pelbagai produk Malaysia di Singapura

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

MAFI, FAMA promosi pelbagai produk Malaysia di Singapura

SHAH ALAM - Ekspo Malaysia Fest 2022 yang sedang berlangsung di Ekspo Singapura, Changi, Singapura selama empat hari sehingga Ahad ini menawarkan pelbagai produk segar dari Malaysia.

Sebanyak 220 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menyertai ekspo itu bagi mempromosi serta memasarkan produk negeri-negeri di Malaysia termasuk destinasi pelancongan dan kraf tangan.

Antaranya, termasuklah petai, nangka, cempedak dan ulam-ulaman kampung, selain produk hilir seperti ampli Sabah, keropok lekor Terengganu, kek lapis Sarawak dan banyak lagi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, penganjuran ekspo edisi kelima itu sememangnya amat dinantikan warga Singapura selepas dua tahun tertangguh berikutan Covid-19.

Menurutnya, pengunjung yang hadir ke tapak ekspo berpeluang merasai pelbagai jenis makanan dan mengenali produk popular serta budaya Malaysia.

"Ini juga sebagai satu platform bagi usahawan tempatan memulihkan kembali perniagaan dan memastikan produk agromakanan keluaran negara mendapat sambutan di pasaran global, sekaligus mempromosikan lokaliti negeri dalam sektor agropelancongan."

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui FAMA sentiasa membantu usahawan meneroka ruang eksport yang tersedia bagi



Ahmad (dua dari kiri) melawat tapak ekspo Malaysia Fest 2022 yang diadakan di Changi, Singapura.

menggalakkan usahawan PKS Malaysia menceburti bidang pengeksportan yang memiliki potensi pasaran lebih luas," katanya ketika merasmikan ekspo tersebut pada Jumaat.

Ahmad turut menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Anieps Enterprise Sdn Bhd bersama Rock On Consulting Pte Ltd.

Melalui kerjasama tersebut, produk sedia untuk dimakan (RTE) jenama Food Cartel akan diimpor dan diedarkan Rock On Consulting Pte Ltd untuk pasaran antarabangsa dengan nilai perjanjian sebanyak RM20 juta bagi tempoh lima tahun.

Hadir sama, Penolong Ketua

Pengarah National Trades Union Congress (NTUC), Zainal Sapari; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, Datuk Dr Azfar Mohamad Mustafar; Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan) FAMA, Rosilawati Abu Hassan.

Berdasarkan rekod sebelum ini, penganjuran tahun pertama ekspo itu pada 2016 telah mencatatkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM4.5 juta dan meningkat sebanyak 60 peratus pada 2019 kepada RM7.3 juta.

Ujar Ahmad lagi, bagi edisi Malaysia Fest 2022, FAMA meretapkan sasaran jualan sebanyak RM7 juta dan 90,000

pelawat dijangka mengunjungi ekspo tersebut.

"Selain Singapura, FAMA turut merancang untuk menganjurkan ekspo Malaysia Fest ini di lain-lain negara bagi mempergiatkan aktiviti promosi produk agromakanan negara kepada masyarakat antarabangsa untuk meningkatkan nilai eksport produk tersebut di pasaran global," katanya.

Berdasarkan statistik dagangan antarabangsa ke Singapura oleh MAFI, nilai eksport bahan makanan Malaysia ke republik itu pada 2021 meringkat sebanyak 11.6 peratus kepada RM7.7 bilion berbanding RM6.8 bilion pada tahun sebelumnya.



28 AUG, 2022

MAFI, FAMA promosi pelbagai produk Malaysia di Singapura

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SHAH ALAM - Ekspo Malaysia Fest 2022 yang sedang berlangsung di Ekspo Singapura, Changi, Singapura selama empat hari sehingga Ahad ini menawarkan pelbagai produk segar dari Malaysia. Sebanyak 220 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menyertai ekspo itu bagi mempromosi serta memasarkan produk negeri-negeri di Malaysia termasuk destinasi pelancongan dai kraf tangan. Antaranya, termasuklah petai, nangka, cempedak dan ulam-ulaman kampung, selain produk hiliran seperti amplang Sabah, keropok lekor Terengganu, kek lapis Sarawak dan banyak lagi.

28 AUG, 2022

Malaysia Fest 2022 dijangka catat jualan atas sasaran

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



“Malaysia Fest diadakan pada 2019 sebelum ini. Kita telah merekodkan Jualan bernilai RM1.3 juta pada hari pertama ketika itu. Kita akan dapat mencatatkan lebih daripada angka yang dicapai ekspos ini pada 2019.”

• Datuk Seri Ahmad Hamzah

Malaysia Fest 2022 dijangka catat jualan atas sasaran

SINGAPURA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjangkakan Malaysia Fest 2022 sedang berlangsung di Changi di sini mencatatkan nilai jualan mengatasi sasaran RM7 juta susulan sambutan yang amat memberangsangkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah ketika berkongsi keyakinan itu bersama media Malaysia dan Singapura di luar majlis pelancaran ekspos itu di sini kelmarin berkata, acara selama empat hari tersebut telah menjana jualan bernilai RM1.53 juta pada hari pertama.

“Malaysia Fest telah diadakan pada 2019 sebelum ini. Kita telah merekodkan jualan bernilai RM1.3 juta pada hari pertama ketika itu. Kita akan dapat mencatatkan lebih daripada angka yang dicapai ekspos ini pada 2019,” kata beliau.

Beliau berkata, pengajuran Malaysia Fest sebelum ini terpaksa ditangguhkan akibat pandemik Covid-19.

Kira-kira 220 syarikat menyertai ekspos edisi kelima ini dengan

mempamerkan produk agro-makanan, kraf dan pelancongan, kata beliau.

Beliau berkata, acara yang akan berakhir pada 28 Ogos 2022 itu menyasarkan untuk menarik 90,000 pengunjung.

MAFI menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak membawa kira-kira 3,000 papan petai.

“Sayur buah itu dibawa ke sini kerana terdapat permintaan yang tinggi. Selain petai, ulam-ulaman juga dibawa masuk kali ini,” kata beliau.

Ahmad berkata, terdapat permintaan yang tinggi terhadap durian namun kini bukan musim ‘raja buah’ itu.

Malaysia Fest yang pertama pada 2016 merekodkan jualan bernilai RM4.15 juta dan seterusnya menjana RM6.6 juta dan RM8.47 juta masing-masing pada 2017 dan 2018.

Acara pada 2019 mencatatkan jualan RM7.3 juta sekali gus memberi keyakinan kepada MAFI untuk melanjutkan program itu, kata beliau. - Bernama



28 AUG, 2022

Malaysia Fest 2022 dijangka catat jualan atas sasaran

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Malaysia Fest diadakan pada 2019 sebelum ini. Kita telah merekodkan jualan bernilai RM1.3 juta pada hari pertama ketika itu. Kita akan dapat mencatatkan lebih daripada angka yang dicapai ekspo ini pada 2019. ^ • Datuk Seri Ahmad Hamzah

SINGAPURA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menjangkakan Malaysia Fest 2022 sedang berlangsung di Changi di sini mencatatkan nilai jualan mengatasi sasaran RM7 juta susulan sambutan yang amat memberangsangkan.